

06/03/1999

Tiada kerjasama Barisan dengan PBS, Bersekutu

TUARAN, Jumaat - Barisan Nasional (BN) tidak akan menerima atau bekerjasama dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) walaupun kedua-dua parti itu menang dalam pilihan raya Sabah minggu depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, PBS dan Bersekutu tidak boleh dipercayai dan hanya mencari kesempatan untuk kepentingan pemimpin mereka.

Menurutnya, kedua-dua parti pembangkang itu lebih mementingkan diri sendiri dan kedudukan, tanpa sebarang agenda untuk membangunkan rakyat dan negeri ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga Pengerusi BN mengingatkan rakyat Sabah supaya berhati-hati dan tidak terpedaya dengan propaganda serta dakwah palsu pembangkang apabila mengundi pada pilihan raya 12-13 Mac ini.

"Tolong sampaikan mesej kepada Datuk Joseph Pairin Kitingan (Presiden PBS) yang tidak ada harapan bagi PBS bekerjasama dengan BN. Jangan dia tipu rakyat Sabah pergi kampung kononnya mereka juga akan kerjasama dengan BN apabila menang nanti.

"Datuk Harris (pemangku presiden Bersekutu) kata konon kalau dia menang, dia nak masuk BN nak kerjasama dengan Kerajaan Pusat. Ini menunjukkan ia perlu kerjasama dengan Kerajaan Pusat dan BN di Kuala Lumpur.

"PBS dan Bersekutu tak mungkin dapat kerjasama dengan Kerajaan Pusat," katanya berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di sini, pagi ini.

PBS dan Bersekutu meletakkan calonnya menentang BN di semua 48 kawasan Dewan Undangan Negeri dalam pilihan raya Sabah kali ini.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Sabah, yakin rakyat negeri ini akan mengundi BN kerana hanya parti itu mampu menawarkan pakej dua dalam satu.

"Ingat pilihan raya adalah untuk membentuk kerajaan dan kerajaan yang boleh berkhidmat hanyalah BN. Dan di Sabah, bila pangkah dacing kita dapat dua kerajaan - iaitu kita dapat kerajaan BN di Sabah dan kerajaan BN di peringkat Pusat.

"Satu kali pangkah, dua kali untung. Mana ada parti lain yang boleh buat tawaran semacam BN. Kita bagi lebih, ada bonus. Sebab itu rakyat perlu pangkah dacing dan tentukan calon BN mendapat kemenangan untuk mendirikan kerajaan di Sabah," katanya.

Perdana Menteri mengulangi pentingnya dibentuk sebuah kerajaan negeri yang dapat bekerjasama dan mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan kerana ia memudahkan pelaksanaan agenda pembangunan.

"Tanpa hubungan baik, persefahaman antara Kerajaan Pusat dan negeri, maka sukar bagi kerajaan negeri memerintah dan membangunkan negeri ini," katanya.

Menurutnya, pembangkang sendiri sebenarnya mengakui pentingnya hubungan dua hala yang erat antara kerajaan negeri dengan Pusat.

"PBS sebelum ini pernah dalam BN, tetapi apabila melihat BN lemah kerana Umno berpecah ketika itu, ia menarik diri. Ini menunjukkan PBS tidak setia dalam perjuangan.

"Takkan BN Pusat percaya kepada orang yang menarik diri apabila tidak mendapat untung. Sudah keluar, maka tidak akan dibenar masuk lagi," katanya.

Dalam ucapan kira-kira sejam itu, Dr Mahathir turut membidas penyertaan parti kecil seperti Pas dan calon Bebas.

Sambil menyifatkan parti terbabit tiada hala tuju, beliau berkata

kehadiran Pas hanya di beberapa kawasan tidak membawa apa-apa perubahan,
kecuali cuba memecabalahkan orang Islam dan untuk memalukan Umno.
(END)